

## **BAB KEDUA**

### **IMPLIKASI PEMELOUKAN AGAMA ISLAM TERHADAP NAFKAH MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN ENAKMEN NEGERI**

#### **2.0 Pendahuluan**

Pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam akan menimbulkan implikasi perundangan terhadap hak-hak nafkah pihak-pihak yang terlibat. Walaubagaimanapun, di Malaysia, memandangkan terdapat dua perundangan yang berbeza bagi orang Islam dan bukan Islam, maka kesan yang berbeza pula akan timbul dalam perkara ini.

Perbezaan peruntukan yang ada telah menimbulkan konflik terhadap pihak-pihak yang terlibat. Maka, bagi mengenalpasti punca timbulnya konflik tersebut, bab ini terlebih dahulu akan meneliti persoalan hak-hak nafkah dan implikasi pemelukan agama Islam terhadap hak-hak nafkah menurut fiqh dan peruntukan enakmen negeri. Perbincangan tentang nafkah dalam bab ini merujuk kepada nafkah isteri, bekas isteri serta anak-anak samada anak kandung, anak angkat dan anak tak sahtarafl.

## 2.1 Pengertian Nafkah Menurut Fiqh

Perkataan "nafkah" berasal daripada perkataan Arab iaitu d'ari kalimah انفاق ينفق (انفاقاً). Perkataan boleh diterjemahkan sebagai menghabiskan atau seseorang membelanjakan hartanya, manakala perkataan انفقة pula diterjemahkan sebagai belanja makan untuk hidup.<sup>67</sup>

Nafkah juga bererti mengeluarkan atau membelanjakan (الصرف),<sup>68</sup> contohnya apabila seseorang itu berkata bahawa dia telah menafkahkan hartanya, maka bererti bahawa dia telah membelanjakan hartanya. Dalam penggunaan istilah biasa ia bermaksud apa yang dibelanjakan oleh seseorang kepada ahli keluarganya.<sup>69</sup>

Para ulama pula mentakrifkan nafkah sebagai sesuatu yang diberi atau dibelanjakan oleh seseorang kepada isterinya, ahli keluarganya, kaum kerabatnya dan juga orang-orang yang dimilikinya (hamba) yang berada di bawah tanggungannya.<sup>70</sup>

---

<sup>67</sup> Jamal al Din ibn Muhammad ibn Makram ibn Manzur (t.t), *Lisan al Arab*, j. 4. Beirut: Dar Sadir, h. 357-358.


<sup>68</sup> Al-Jazir, 'Abdul Rahman (1990), *Kitab al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*, j.4. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, h. 553.

<sup>69</sup> Wahbah al-Zuhaili (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j.7, cet. 3. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 765.

<sup>70</sup> 'Umar Abd Allah (1963), *Ahkam al-Syar'iyyah al-Islamiyyah fi al-Ahwal a-Syakhiyyah*, cet. 4. Kaherah: Darul Ma'arif, h.332.

### **2.1.1 Kewajipan Memberi Nafkah**

Menurut hukum Syarak, seseorang itu wajib memberi nafkah makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada orang di bawah tanggungannya. Firman Allah s.w.t, dalam satu ayat AL-Quran, seperti berikut:




## Maksudnya:


*..dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya.*<sup>71</sup>

Surah al-Baqarah (2):233

Ayat tersebut menerangkan tentang kewajipan nafkah ke atas suami terhadap isterinya. Walaubagaimanapun seseorang itu hanya diwajibkan memberi nafkah sekadar kemampuannya untuk memenuhi keperluan tanggungannya. Sebagaimana yang ditegaskan di dalam al-Quran, Firman Allah s.w.t:



<sup>71</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 90.



Maksudnya:

*Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezkinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*<sup>72</sup>

Surah al-Talaq (65): 7

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa seseorang yang ditaklifkan dengan sesuatu nafkah tidak dibebankan melainkan sekadar mana yang termampu. Ini termasuklah seseorang suami tidak boleh dibebani untuk memberi nafkah kepada isterinya diluar kemampuannya.<sup>73</sup> Selain itu, terdapat juga dalil daripada hadis nabi s.a.w yang menunjukkan keadaan dan beban kewangan suami diambil kira dalam masalah memberi nafkah. Sabda Rasulullah s.a.w yang telah diriwayatkan oleh Abu Dawud:<sup>74</sup>

عن معاوية القشيري وقال: أتنيت رسول الله صلى الله عليه وسلم،  
قال: فقلت: ما تقول في نساعنا؟ قال: أكسوهن مما تكسون، ولا  
تضربوهن ولا تفحوهـن

Bermaksud:


<sup>72</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 1527.

<sup>73</sup> Muhyi al Din al Nawawiyy, *al Majmu'*, Jil. 17, h. 90.

<sup>74</sup> Abu Dawud Sulayman b. Al-Asy'ath (1952), *Sunan Abi Dawud*, j.1. Mesir: Syarikat Mustafa al-Bab al-Halabi, h. 494-495.

*Daripada Mu'awiyah al-Qusyairi berkata: Aku datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: Apa yang Tuan kata mengenai isteri-isteri kami? Baginda menjawab: berilah mereka makan daripada apa yang kamu makan. Berilah mereka pakai daripada apa yang kamu pakai. Jangan pukul mereka dan jangan hina mereka.*

Walaubagaimanapun, sekiranya isteri nusyuz, maka gugurlah hak nafkah terhadapnya. Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran:




Maksudnya:

*Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya “nusyuz” (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian diantara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai), sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semulajadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.*<sup>75</sup>

<sup>75</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 224.

## 2.1.2 Sebab Diwajibkan Nafkah Keatas Suami

Nafkah diwajibkan keatas suami terhadap isterinya berasaskan sebab perkahwinan.<sup>76</sup> Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran:



Maksudnya:


Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.<sup>77</sup>

Surah al-Nisa (4): 34

<sup>76</sup> Wahbah al-Zuhaili (2001), *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, Syed Ahmad Syed Hussain et al (terj.), j. 7, cet. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 948.

<sup>77</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 192.

Ayat di atas menunjukkan bahawa suami bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya. Menurut pendapat sebahagian ulama dari Mazhab Syafi'e, perkahwinan atau akad adalah menjadi sebab utama terhadap kewajipan nafkah ditanggung oleh suami. Walaupun mereka belum tinggal bersama atau bersetubuh, akad yang telah dijalankan menyebabkan suami dikehendaki memberi nafkah kepada isteri yang dikahwininya.<sup>78</sup> Melalui perkahwinan akan lahir pula anak atau anak-anak kepada pasangan suami isteri itu. Kelahiran anak-anak dalam masa perkahwinan ini mewujudkan suatu hubungan persaudaraan melalui pertalian darah antara ibu bapa dengan anak-anak. Anak atau anak-anak ini pula secara langsung menjadi tanggungan kepada ibubapa. Firman Allah s.w.t:



Maksudnya:

dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya.<sup>79</sup>

Surah al-Baqarah (2):233

<sup>78</sup> Al Sharbini, Muhammad Khatib (1958), *op.cit.*, h. 435.

<sup>79</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 90.

Walaubagaimanapun, sekiranya suami mengabaikan nafkah terhadap isteri dan anak-anaknya, isteri boleh mengambil bahagian nafkahnya daripada harta suami walaupun tanpa pengetahuan suaminya. Perkara ini telah dijelaskan oleh sebuah hadis sahih yang mana Rasulullah s.a.w telah menyetujui perbuatan Hindun r.a yang mengambil harta suaminya Abu Sufyan tanpa pengetahuan. Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>80</sup>

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ هَنْدَ قَالَتْ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أَبَا سَفِيَّاً نَّجَّابَ شَحِيقَ وَلَيْسَ يَعْطِنِي مَا يَكْفِينِي وَوَلَدِي، إِلَّا مَا أَخْدَتْ مِنْهُ وَهُوَ لَا يَعْلَمُ فَقَالَ: خَدِيْ مَا يَكْفِيكَ وَوَلَدُكَ بِالْمَعْرُوفِ"

Maksudnya:

*Dari ‘Aisyah bahawa Hindun telah berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut. Dia tidak memberi nafkah yang cukup untuk keperluanku dan anak-anakku melainkan apa yang aku ambil daripada hartanya tanpa pengetahuannya. Baginda menjawab: Ambillah sebahagian dari hartanya dengan cara yang baik dalam kadar yang dapat mencukupi keperluanmu dan anak-anakmu”.*

Kesimpulannya, dalil-dalil di atas menunjukan bahawa suami diwajibkan memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Sekiranya suami mengabaikan atau tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya, isteri boleh mengambil bahagian dari hartanya sebagai memenuhi hak-hak nafkah tersebut.

---

<sup>80</sup> Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad b. Ismail (t.t), *Sahih al-Bukhari*, j.7. Kaherah: Dar wa Matabi’ al-Shiab, h. 85.

### **2.1.3 Implikasi Pemelukan Agama Islam Terhadap Nafkah Menurut Fiqh dan Enakmen Negeri**


Pemelukan agama Islam oleh seseorang bukan Islam akan memberi kesan terhadap hak-hak dan tanggungjawab membayar nafkah terhadap pasangan. Walaubagaimanapun, kewajipan nafkah itu tidak akan gugur melalui perbezaan agama sebagaimana dalam kes pewarisan. Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci berkenaan hak-hak nafkah pihak-pihak yang terlibat, samada nafkah isteri atau bekas isteri serta nafkah anak, samada anak kandung, anak angkat serta anak tak sahtaraf. Perbincangan akan melihat berdasarkan kedua-dua perspektif, iaitu menurut perspektif fiqh serta enakmen negeri.

#### **2.1.3.1 Hak Nafkah Isteri**

Dalam kes pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam, keengganan satu pihak lagi untuk memeluk Islam bersama-sama turut memberi kesan terhadap nafkah pihak-pihak yang terlibat. Pemelukan agama Islam oleh seseorang yang telah berkahwin boleh berlaku dalam beberapa keadaan. Ianya samada pemelukan Islam oleh suami dan isteri secara serentak atau pemelukan Islam oleh salah seorang daripada mereka. Oleh yang demikian kesan yang timbul juga adalah berbeza. Perbezaan ini bukan sahaja mengikut keadaan pemelukan Islam tersebut, malah pandangan yang diberikan oleh para ulama juga adalah berbeza.

Dalam kes pemelukan Islam yang berlaku secara serentak oleh kedua-dua suami isteri, hampir semua ulama Islam bersepakat bahawa perkahwinan mereka yang terdahulu adalah berkekalan<sup>81</sup> samada mereka pernah bersetubuh atau sebaliknya.<sup>82</sup> Ini bererti persoalan nafkah tidak timbul dalam keadaan ini memandangkan suami dikehendaki meneruskan kewajipan memberi nafkah kepada isterinya.

Dalam kes pemelukan Islam oleh suami, sekiranya hanya suami memeluk Islam dan isterinya ialah seorang perempuan *Kitabiyyah*, suami masih berkewajipan memberi nafkah meskipun isteri tetap kekal didalam agama asalnya. Ini kerana pemelukan Islam oleh suami itu tidak menjadikan ikatan perkahwinan dengan isterinya terbatal. Allah s.w.t menghalalkan orang-orang Islam mengahwini perempuan-perempuan dari kalangan *ahlul kitab*.<sup>83</sup> FirmanNya di dalam al-Qur'an:



Maksudnya:

...(dan dihilalkan mengahwini) wanita yang menjaga kehormatan diantara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al Kitab sebelum kamu...<sup>84</sup>

Surah al-Ma'ida (5): 5

<sup>81</sup> Al Sarakhsiyy, Shams al Din al Sarakhsiyy (t.th), *al Mabsut*, j. 5. Beirut: Dar al Ma'rifat, h. 38-40.

<sup>82</sup> Al Sharbiniyy, Muhammad Khatib (1958), *op.cit.*, h. 201.

<sup>83</sup> *Ibid.*

<sup>84</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 245.

Walaubagaimanapun, sekiranya kedua-dua pasangan tersebut bukan dari kalangan *ahlul kitab*, pemelukan Islam oleh salah satu pihak tersebut akan memberi kesan terhadap persoalan nafkah. Menurut pandangan mazhab Syafi'e sekiranya suami memeluk Islam sedangkan isterinya bukan perempuan *Kitabiyyah* dan kekal di dalam agama asalnya, suami tidak lagi diwajibkan memberi nafkah kepada isterinya. Walaubagaimanapun, sekiranya dalam tempoh ‘iddah isteri turut sama memeluk Islam, maka suami berkewajipan memberi nafkah seperti biasa kepada isterinya memandangkan ikatan perkahwinan mereka dikekalkan.<sup>85</sup>

Manakala menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, perkara nafkah diperuntukkan di bawah Akta serta Enakmen-Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Peruntukan tersebut merangkumi nafkah isteri atau bekas isteri serta anak-anak samada anak kandung, anak angkat serta anak tak sahtaraf. Nafkah-nafkah tersebut pula terbahagi kepada nafkah semasa dan nafkah tertunggak. Berkenaan nafkah isteri, terdapat peruntukan yang memperuntukkan berkenaan nafkah semasa, nafkah tertunggak dan nafkah ‘iddah bagi seorang suami terhadap isteri. Walaubagaimanapun, tiada satu peruntukan khusus berkenaan nafkah anak atau pasangan yang berlainan agama diperuntukkan dalam enakmen. Perbincangan seterusnya akan mengaitkan kedudukan nafkah pihak-pihak yang terlibat dalam kes pemelukan agama Islam berdasarkan undang-undang yang ada.

---

<sup>85</sup> Al Sharbiniyy, Muhammad Khatib (1958), *Mughniyy al Muhtaj ila ma'rifat ma ani alfaz al minhaj*, j.3. Kaherah: Matba ah Mustafa al Halabiyy, h. 201.

Menurut Undang-Undang Keluarga Islam, persoalan nafkah pasangan itu ditentukan berdasarkan ketaatan pihak isteri kepada suami serta status perkahwinan pihak-pihak yang terlibat. Terdapat satu peruntukan khusus di bawah Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam bagi setiap negeri mengenai kewajipan nafkah oleh seorang suami terhadap isteri atau bekas isterinya. Sebagai contoh, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan seperti berikut:<sup>86</sup>

- (1) Tertakluk kepada Hukum Syara', Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.
- (2) Tertakluk kepada Hukum Syara' dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain-
  - (a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
  - (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;
  - (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain,
- (3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.

---

<sup>86</sup> Lihat Seksyen 59(1)(2)(3) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

Peruntukan sekyen ini hendaklah dibaca bersama seksyen 65(1) Akta yang sama seperti berikut:<sup>87</sup>

“Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh ‘iddah atau apabila isteri itu menjadi nusyuz.”

Secara umumnya peruntukan-peruntukan tersebut adalah selaras dengan kehendak fiqh yang menetapkan hanya isteri yang taat berhak terhadap nafkah. Ini bererti, apabila suami memeluk Islam sedangkan isterinya tidak berbuat demikian dalam tempoh ‘iddah, suami tersebut tidak lagi bertanggungjawab membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya yang berlainan agama memandangkan dalam tempoh tersebut isteri dianggap nusyuz. Ini kerana seorang suami itu diwajibkan membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya semasa perkahwinan masih berterusan. Hak tersebut bagaimanapun hanya akan terhenti setelah tamat tempoh ‘iddah atau gugur apabila isteri menjadi nusyuz.

Oleh yang demikian menurut Undang-Undang Keluarga Islam, suami yang memeluk Islam tidak lagi diwajibkan membayar nafkah kepada pasangannya yang enggan turut sama berbuat demikian. Adapun isteri yang enggan turut sama memeluk Islam adalah tidak lagi berhak mendapat nafkah melainkan ia kembali taat dan mengikut kemahuan suaminya dengan turut memeluk Islam semasa dalam tempoh ‘iddah.

---

<sup>87</sup> Lihat Seksyen 65 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

Walaubagaimanapun, keadaan adalah berbeza sekiranya isteri yang memeluk Islam. Dalam hal ini, suami yang enggan memeluk Islam perlu membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Tempoh membayar nafkah tersebut hanyalah sepanjang tempoh ‘iddah. Selepas tempoh itu, pihak kerajaan akan bertanggungjawab memberi bantuan kewangan kepada wanita yang telah memeluk Islam tersebut. Ini kerana, di bawah prinsip undang-undang Islam, tanggungjawab menjaga wanita yang diceraikan suami adalah kembali kepada keadaan dahulu iaitu keluarga atau saudara maranya yang bertanggungjawab menjaga kebajikannya termasuklah dari segi kewangan atau nafkah. Maka bagi orang yang memeluk Islam, adalah tidak dijangka keluarga atau saudara maranya yang berlainan agama akan menjaga atau memeliharanya.<sup>88</sup> Oleh sebab itu, kerajaan akan bertanggungjawab keatas kebajikan dirinya.

#### **2.1.3.1.1 Nafkah Gantian**

Menurut pandangan Mazhab Syafi'e suami tidak perlu membayar nafkah gantian kepada isteri untuk tempoh sebelum pengislamannya memandangkan isteri dianggap berada dalam keadaan *nusyuz* (menderhakai suami) kerana keengganannya untuk turut sama memeluk Islam semasa tempoh tersebut.<sup>89</sup> Walaubagaimanapun, terdapat pendapat kedua dalam mazhab Syafi'e mengenai persoalan kewajipan memberi nafkah gantian ini. Mereka berpendapat bahawa suami berkewajipan juga memberi nafkah kepada isterinya didalam tempoh sebelum pengislaman isterinya. Pandangan mereka adalah kerana tindakan suami memeluk Islam yang menyebabkan terputusnya sementara hubungan perkahwinan

<sup>88</sup> Najibah Mohd Zin (2007), "Resolving the Conflicts in Family Disputes Involving Conversion of a Spouse to Islam Under the Malaysian Law", *The Law Review*, jil. 1, h. 69.

<sup>89</sup> Muhyi al-Din al-Nawawi (t.th), *Rawdat al-Talibin*, j. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 72.

tersebut. Oleh yang demikian, suami dikehendaki memberi nafkah gantian bagi tempoh tersebut.<sup>90</sup>

### **2.1.3.1.2 Nafkah ‘Iddah**

Dalam kes pemelukan Islam oleh isteri pula, menurut Mazhab Syafi'e, sekiranya isteri memeluk Islam dan diikuti oleh suaminya sebelum berakhir tempoh ‘iddah, maka isteri berhak mendapat nafkah sepanjang tempoh pengislaman suaminya. Ini kerana isteri apabila memeluk Islam sebenarnya telah menunaikan kewajipan yang *mudayyaq* iaitu kewajipan yang perlu dilakukan segera tanpa boleh ditangguh lagi. Oleh sebab itu pemelukan Islam olehnya tidak menghalangnya dari terus mendapat nafkah dari suaminya.<sup>91</sup>

Sekiranya suami tidak memeluk Islam atau suami memeluk Islam selepas habis tempoh ‘iddah, maka ia berkewajipan memberi nafkah ‘iddah kepada bekas isterinya. Ini kerana bekas isterinya telah melakukan sesuatu yang baik (memeluk Islam) sedangkan ia (suami) juga berupaya menjaga ikatan perkahwinan mereka dengan cara turut memeluk Islam.<sup>92</sup> Oleh itu suami dianggap penyebab kepada pembubaran perkahwinan mereka, maka wajarlah baginya menanggung nafkah tempoh ‘iddah bekas isterinya. Menurut Imam al Zarkashiyy, ini terkecuali sekiranya terdapat keuzuran pada suami seperti gila, pengsan, masih kecil dan sebagainya.<sup>93</sup>

---

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> Al Sharbiniyy, Muhammad Khatib (1958), *op.cit.*, h. 201.

<sup>93</sup> *Ibid.*

Walaubagaimanapun, terdapat pendapat kedua di dalam Mazhab Syafi'e iaitu suami tidak perlu lagi memberi sebarang nafkah kepada isteri didalam apa jua keadaan pun, samada isteri memeluk Islam kemudian diikuti oleh suaminya sebelum tamatnya tempoh 'iddah, atau suami tidak memeluk Islam atau memeluk Islam selepas tamatnya tempoh 'iddah. Ini kerana isteri di dalam keadaan yang pertama dianggap sebagai penyebab terbubarnya perkahwinan mereka, manakala di dalam keadaan kedua, perpisahan mereka dianggap sebagai *talak bain*.<sup>94</sup>

### **2.1.3.2 Hak Nafkah Anak Kandung**

Menurut hukum fiqh, seorang bapa diwajibkan memberi nafkah kepada anaknya yang masih kecil sehingga dia mencapai umur dewasa. Kewajipan ini adalah berdasarkan perhubungan darah antara anak dan bapa.<sup>95</sup> Bapa bertanggungjawab memberikan semua jenis nafkah kepada anak-anaknya samada lelaki atau perempuan. Jika mereka tidak mempunyai bapa, datuk (ayah kepada bapa) wajib mengambil tanggungjawab ini. Begitulah seterusnya berdasarkan hubungan *usul* yang terdekat dengan *furu'*.<sup>96</sup>


Dalil yang menunjukkan kewajipan seorang bapa memberi nafkah kepada anak-anaknya ialah berdasarkan firman Allah:

---

<sup>94</sup> *Ibid.* Talak bain ialah talak yang sekiranya kedua-dua pihak bersetuju berkahwin semula, ia mesti dilakukan dengan upacara akad yang baru.

<sup>95</sup> Al-Nawawiyy (t.t), *Minhaj et-Talibin*, E.C. Howard (terj.), Lahore: Law Publishing Co., h. 241-242.

<sup>96</sup> Mustofa al-Khin (2009), *Kitab Fiqah Mazhab Syafie*, Ridzuan Hashim et al (terj.), j.4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, h. 864



Maksudnya:

*dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.*<sup>97</sup>

Surah al-Baqarah (2):233

Dalam ayat di atas, anak telah disandarkan secara khusus kepada bapanya menggunakan huruf lam (ل). Ini bermakna bapa bertanggungjawab memberi nafkah kepada anaknya. Begitulah juga bapa wajib memberi nafkah kepada ibu yang menyusukan anaknya, ini menunjukkan kewajipan bapa memberikan nafkah kepada anaknya adalah lebih utama.<sup>98</sup> Kewajipan seorang bapa dalam memberi nafkah kepada anak-anaknya yang masih belum dewasa adalah tetap berterusan walaupun mereka telah berlainan agama. Para ulama mazhab Shafi'e berpendapat, nafkah tetap wajib ditunaikan walaupun pemberi nafkah dan penerimanya berbeza agama. Ini kerana, kewajipan nafkah tidak terjejas

<sup>97</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 90.

<sup>98</sup> Mustofa al-Khin (2009), *op.cit.*, h. 865.

disebabkan perbezaan agama.<sup>99</sup> Maka, seorang ayah yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada anaknya yang bukan Islam apabila cukup syaratnya.

Oleh itu, nafkah *furu'* yang masih kecil (kanak-kanak) dan fakir adalah tanggungjawab bapanya. Jika bapanya tidak ada, ia menjadi tanggungjawab datuknya. Begitu juga dengan *furu'* yang fakir dan menghadapi sakit yang berpanjangan (tidak mampu bekerja), serta *furu'* yang fakir dan gila. Dimaksudkan dengan fakir di sini ialah tidak mampu bekerja. Jika anak itu tidak bekerja kerana sibuk mencari ilmu yang bersangkutan dengan kewajipan dirinya seperti ilmu akidah dan ibadah, ia juga dikira tidak mampu bekerja dan bapa wajib memberikan nafkah kepadanya. Sekiranya ilmu yang dipelajari itu ilmu fardu kifayah seperti ilmu perubatan, perindustrian atau sebagainya, bapa mempunyai pilihan untuk membenarkan anak tersebut terus belajar dan dia memberikan nafkahnya, atau bapa tidak memberikan nafkah menyebabkan anak tersebut bekerja.<sup>100</sup>

Demikian juga menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Tanggungjawab menanggung nafkah anak-anak adalah diwajibkan kepada bapa. Kewajipan menanggung nafkah anak contohnya disebut dalam seksyen 72 Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 yang menyatakan seperti berikut:<sup>101</sup>

---

<sup>99</sup> *Ibid.*, h. 871

<sup>100</sup> *Ibid.*, h. 866.

<sup>101</sup> Seksyen 72(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

“Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seorang lelaki menanggung nafkah anaknya, samada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, samada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

Peruntukan tersebut jelas menyatakan adalah menjadi kewajipan seorang lelaki untuk menanggung nafkah anak-anaknya. Oleh yang demikian, seorang bapa yang memeluk Islam adalah dipertanggungjawabkan untuk meneruskan nafkah kepada anaknya yang bukan Islam. Perkataan “lelaki” yang dicatat dalam seksyen ini membuktikan bahawa bukanlah wanita yang berkewajipan menanggung nafkah anak-anak. Taraf lelaki itu dengan ibu kepada anak-anak itu juga tidak semestinya bermaksud semata-mata seorang bapa malahan termasuk datuk, bapa saudara atau kerabat lelaki terdekat.<sup>102</sup> Maka sekiranya bapa kepada kanak-kanak tersebut tidak mampu setelah berusaha untuk menyediakan nafkah anak-anaknya, seperti terdapat kecacatan pada tubuh badannya yang menghalang dia daripada berusaha sendiri<sup>103</sup>, tanggungjawab ini akan berpindah kepada waris selepas bapa.

Dalam hal ini, terdapat pula peruntukan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri yang menyatakan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syara’ menanggung nafkah kanak-kanak atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak sekiranya bapanya tidak mampu. Undang-Undang Keluarga Islam memperuntukan:<sup>104</sup>

<sup>102</sup> Nora Abdul Hak (2007), “Jaminan Nafkah Kanak-Kanak”, dalam Najibah Mohd Zin *et al.*, *Undang-Undang Keluarga Islam*, j. 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 262.

<sup>103</sup> Jamal J. Nasir (1990), *The Islamic Law of Personal Status*. London: Graham & Trotman, h. 263.

<sup>104</sup> Seksyen 72(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga

“Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syara’, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.”

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa pemelukan Islam oleh seseorang lelaki itu tidak akan menggugurkan tanggungjawabnya untuk membayar nafkah kepada anaknya meskipun mereka berlainan agama. Apa yang jelas, peruntukan ini adalah bertepatan dengan apa yang dikehendaki oleh Syarak iaitu “bapa dan datuk ke atas (usul keturunan) wajib memberikan nafkah kepada anaknya dan cucu ke bawah (furu’ keturunan) walaupun mereka berlainan agama.<sup>105</sup>

Berkenaan tempoh nafkah, Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan tempoh perintah nafkah tamat apabila anak itu mencapai umur 18 tahun. Walaubagaimanapun, tempohnya mungkin lebih singkat jika perintah mahkamah menyatakannya demikian, jika perintah itu dibatalkan atau jika perintah itu dibuat untuk seorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya, juga apabila

---

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

<sup>105</sup> Mustofa al-Khin (2009), *op.cit.*, h. 864.

perintah itu ialah untuk seorang anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya.<sup>106</sup>

Peruntukan seterusnya juga menyatakan bahawa mahkamah boleh, atas permohonan oleh anak itu atau oleh seseorang lain, melanjutkan perintah nafkah dirinya supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi. Secara umumnya peruntukan tersebut juga adalah selaras dengan kehendak fiqh yang mana memperuntukkan seorang bapa perlu mengekalkan atau menanggung nafkah anak-anak sehingga mereka berusia 18 tahun, jangkamasa untuk lelaki sepanjang meneruskan pengajian atau latihan, atau bagi perempuan sehingga dia berkahwin.<sup>107</sup>

### **2.1.3.3 Nafkah Anak Tak Sahtaraf**

Anak tak sah taraf ialah anak yang dilahirkan di luar nikah hasil daripada perbuatan haram pasangan yang belum berkahwin. Menurut Imam Al-Nawawi anak yang lahir hasil dari persetubuhan haram adalah merupakan anak yang tidak sah menurut pandangan Islam meskipun ibubapanya telah berkahwin sebelum kelahiran kanak-kanak tersebut. Ini kerana undang-undang Islam menetapkan anak ini hanya dianggap sah taraf jika ia dilahirkan

---

<sup>106</sup> Seksyen 79 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

<sup>107</sup> *Sunan Abu Dawud*, Bab al Nikah, Vol 2, English Translation with Explanatory Notes by Prof Ahmad Hasan, New Delhi: Kitab Bhavan, 1990, h. 557.

enam bulan selepas perkahwinan ibubapanya.<sup>108</sup> Penentuan tempoh enam bulan tersebut adalah berdasarkan dua ayat al-Quran yang menerangkan tentang masa hamil (tempoh mengandung) dan penyusuan.<sup>109</sup> Firman Allah s.w.t:



Maksudnya:

Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan...<sup>110</sup>

Surah al-Ahqaf (26): 15

Dan Firman Allah s.w.t:



## Maksudnya:

*“Dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun..”<sup>111</sup>*

Surah Luqman (21): 14

Ayat pertama menentukan tempoh hamil dan bercerai susu, iaitu selama 30 bulan, manakala ayat kedua menentukan tempoh bercerai susu, dua tahun. Bila digugurkan masa

<sup>108</sup> Al-Nawawiyy (t.t), *Minhaj et-Talibin*, E.C. Howard (terj.), Lahore: Law Publishing Co., h. 367.

<sup>109</sup> Wahbah al-Zuhaili (2001), *op.cit.*, h. 849.

<sup>110</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an, c.12, Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 1347.

<sup>111</sup> *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, c.12, Kuala Lumpur: Darulfikri, h. 1076.

dua tahun bagi tempoh bercerai susu, jadilah tempoh masa hamil enam bulan.<sup>112</sup> Oleh yang demikian, anak yang lahir kurang daripada tempoh hamil yang minimum iaitu enam bulan, tidak dikira sebagai anak yang sah taraf. Maka, anak ini tidak boleh dinasabkan dan dipertanggungjawab nafkah ke atas bapa atau orang yang menyebabkan kelahirannya.

Menurut Undang-Undang Keluarga Islam<sup>113</sup>, anak tak sahtaraf ditakrifkan sebagai seseorang anak yang dilahirkan di luar nikah. Anak tersebut samada anak yang lahir akibat daripada perbuatan zina atau anak yang dilahirkan kurang enam bulan dari tarikh ‘akad nikah dan dia anak yang bukan daripada persetubuhan syubhah. Undang-undang menetapkan kewajipan seorang bapa adalah berbeza dengan kewajipan ibu. Perbezaan ini adalah ditentukan dengan melihat faktor hubungan darah antara bapa dan anaknya.<sup>114</sup> Ini kerana anak tak sahtaraf tidak mempunyai apa-apa pertalian dengan bapa biologinya (orang yang menyebabkan kelahirannya). Seseorang lelaki tidak boleh dihubungkaitkan dengan seseorang kanak-kanak melainkan kerana perkahwinan yang sah dan pernikahan fasid atau kerana persetubuhan syubhah.

Justeru, menurut Hukum Syara’ nafkah kanak-kanak yang tidak sahtaraf tidak boleh diwajibkan kepada seseorang laki-laki walaupun pada segi lahirnya kanak-kanak tersebut adalah anaknya kerana ia tidak mempunyai asas untuk dipertanggungjawabkan

---

<sup>112</sup> Wahbah al-Zuhaili (2001), *op.cit.*, h. 849.

<sup>113</sup> Seksyen 2 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

<sup>114</sup> Nuraisyah Chua Abdullah (2004), “Conversion To Islam-Effect On status Of Marriages And Ancillary Reliefs”, Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 35.

kepadanya.<sup>115</sup> Sebaliknya, anak tak sahtaraf ini tidak diputuskan hubungan nasab dengan ibunya dan kaum kerabat ibunya. Oleh kerana anak tak sahtaraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyebuhinya ibunya, maka adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab ibunya memberi nafkah dan saraan hidup anak tak sahtaraf tersebut.<sup>116</sup>

Maka menurut undang-undang Islam, hanya ibu yang dipertanggungjawabkan untuk meneruskan nafkah anak tak sahtaraf. Oleh yang demikian, jika pihak yang memeluk Islam adalah suami, maka dia tidak perlu meneruskan nafkah anak tak sah taraf tersebut. Sekiranya pihak yang memeluk Islam adalah isteri, maka isteri tersebut dipertanggungjawabkan untuk meneruskan nafkah anak tak sah tarafnya. Ini kerana undang-undang Islam telah menentukan bahawa tiada hubungan antara anak tak sah taraf dengan bapa biologinya.<sup>117</sup>

Bagi memenuhi kehendak Hukum Syara' berkenaan, Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan:<sup>118</sup>

"jika seorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sahtaraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa eluan bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah."

---

<sup>115</sup> Nora Abdul Hak (2007), *op.cit.*, h. 273.

<sup>116</sup> *Ibid.*


<sup>117</sup> Nuraisyah Chua Abdullah (2004) , *op.cit.*, h. 39.

<sup>118</sup> Seksyen 80(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).


Oleh yang demikian, menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia sekiranya pihak yang memeluk Islam ialah suami, beliau tidak perlu membayar nafkah kepada anak tak sahtaraf tersebut. Sebaliknya, jika pihak yang memeluk Islam ialah isteri, beliau diwajibkan membayar nafkah kepada anak tak sahtarafnya.<sup>119</sup>

#### **2.1.3.4 Nafkah Anak Angkat**

Kewajipan membayar nafkah kepada anak angkat juga tidak ditetapkan secara terperinci oleh al-Quran dan sunnah. Walaubagaimanapun, terdapat ayat al-Quran yang menyebut tentang kedudukan anak angkat dengan ibubapa angkat mereka. Firman Allah s.w.t:



<sup>119</sup> Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 39.




Maksudnya:

*Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seugama dan sebagai "maula-maula" kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*<sup>120</sup>

Surah al-Ahzab (33): 5

Adapun berkenaan kewajipan membayar nafkahnya itu adalah semata-mata terletak atas dasar prinsip persaudaraan sesama insan. Hal ini berdasarkan firman Allah s.w.t::



Maksudnya:

*dan mendermanya seseorang akan hartanya – sedang – ia menyayanginya,- kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin...*<sup>121</sup>

<sup>120</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 1098.

<sup>121</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, c.12. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 66.

Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia pula, terdapat satu peruntukan khusus bagi kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga. Seksyen 78(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri memperuntukkan:<sup>122</sup>

(1) Jika seseorang lelaki telah menerima seseorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana bapa dan ibu kanak-kanak itu tidak berbuat demikian, dan mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang perlu bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu.

(2) Kewajipan yang ditanggung oleh subseksyen (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu dibawa balik oleh bapa atau ibunya.

(3) Apa-apa wang yang dibelanjakan oleh seseorang lelaki pada menanggung nafkah seseorang kanak-kanak sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu.

Peruntukan tersebut bukan hanya merangkumi anak angkat yang diambil dibawah Registration of Adoptions Act 1952 (Act 253), tetapi termasuk juga kanak-kanak yang diambil secara persendirian dan diterima sebagai ahli keluarga.<sup>123</sup> Memandangkan Registration of Adoption Act 1952 (Act 253) terpakai bagi orang Islam dan bukan Islam, orang Islam boleh mengambil anak angkat di bawah Akta ini. Maka, sekiranya

<sup>122</sup> Seksyen 78(1)(2)(3) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

<sup>123</sup> Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 38-39.

pengambilan anak angkat itu dibuat dibawah Registration of Adoption Act, ia boleh digunakan sebagai bukti yang menunjukkan kanak-kanak tersebut telah diterima sebagai ahli keluarga.<sup>124</sup>

Oleh yang demikian, menurut Undang-Undang Keluarga Islam, apabila berlaku pemelukan Islam oleh seseorang lelaki yang mempunyai anak angkat, maka beliau diwajibkan untuk meneruskan nafkah anak angkatnya itu. Kewajipan ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang Islam yang memerintahkan supaya menghubungkan persaudaraan dalam Islam dan membantu saudara mara, anak-anak yatim dan orang miskin. Oleh itu diperintahkan seseorang bapa yang memeluk Islam untuk bertanggungjawab meneruskan tanggungan nafkah terhadap anak angkatnya.<sup>125</sup> Perbezaan yang ada hanyalah kewajipan tersebut adalah terhadap seseorang lelaki berbanding dengan Akta 1976 yang mewajibkan ibu atau bapa sebagaimana dalam kes anak yang dilahirkan dari perkahwinan. Kesimpulannya, meskipun status mereka dalam kedua-dua undang-undang adalah berbeza, namun kewajipan nafkah terhadap mereka adalah tidak terjejas.

## 2.2 Kesimpulan

Daripada apa yang dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa, Islam telah menetapkan panduan yang lengkap berhubung dengan perkara nafkah apabila berlaku pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan bukan Islam. Ianya termasuklah kedudukan nafkah isteri atau bekas isteri serta anak-anak, samada anak kandung, anak angkat serta anak tak sah taraf yang lahir dari keluarga berkenaan. Apa yang dapat disimpulkan ialah persoalan kedudukan nafkah pihak-pihak yang terlibat dalam kes

---

<sup>124</sup> *Ibid.*

<sup>125</sup> *Ibid.*

pemelukan Islam ini telah jelas diperuntukkan dalam syariat Islam bagi memenuhi keperluan sesebuah keluarga dan masyarakat agar tidak timbul pengabaian serta kepincangan dan sengketa dalam rumah tangga.

Walaubagaimanapun, realitinya di Malaysia undang-undang Islam mengenai kekeluargaan, samada berkenaan pemelukan Islam atau pernikahan dan perceraian serta nafkah telah pun dikanunkan. Meskipun peruntukan yang ada adalah tidak menyeluruh, namun sebahagian besar daripadanya adalah berdasarkan Hukum Fiqh serta pandangan ulama terutamanya mazhab Syafi'e. Walaubagaimanapun, hakikat yang wujud adalah terdapat perbezaan dalam undang-undang yang diperuntukkan bagi orang Islam dan bukan Islam di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini seterusnya melihat kedudukan nafkah pihak-pihak yang terlibat berdasarkan perspektif undang-undang Sivil bagi mengenalpasti punca di mana timbulnya konflik dalam undang-undang yang ada.